

KUALA LUMPUR, 18 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENYATAKAN KESYUKURANNYA BAHAWA 86 ORANG BEKAS PEMIMPIN, YANG MENEMUI BELIAU HARI INI, MENGAMBIL KEPUTUSAN MENYOKONG BARISAN NASIONAL (BN) MELALUI UMNO.

SETIAUSAHA POLITIK II KEPADA PERDANA MENTERI NOOR AZAM YUSOFF MEMBERITAHU PEMBERITA SELEPAS PERTEMUAN LEBIH SATU JAM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BN MEMERLUKAN KEJAYAAN BESAR DALAM PILIHAN RAYA AKAN DATANG UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH KERAJAAN YANG KUKUH.

INI KERANA KERAJAAN YANG KUAT SAHAJA DAPAT MENJAMIN KESTABILAN POLITIK NEGARA UNTUK MENERUSKAN USAHA-USAHA PEMBANGUNAN, KATANYA SELEPAS PERTEMUAN DI JABATAN PERDANA MENTERI ITU.

KUMPULAN ITU TERDIRI DARIPADA 81 ORANG BEKAS PEMIMPIN PAS DARI KELANTAN DAN LIMA BEKAS PEMIMPIN PAS DARI PERAK YANG TELAH PUN MANGANGGOTAI UMNO. ROMBONGAN ITU DIKETUAI OLEH BEKAS YANG DIPERTUA AGUNG PAS, DATUK ASRI HAJI MUDA, YANG BERKATA BAHAWA KUMPULAN ITU BERJAYA MEMBAWA MASUK KIRA-KIRA 15,000 PENGIKUT PAS SEJAK FEBRUARI LEPAS.

MENURUT ENCIK NOOR AZAM, ANTARA PERKARA YANG DIBINCANGKAN IALAH PENJELASAN KUMPULAN ITU TENTANG SEBAB-SEBAB MEREKA MENYERTAI UMNO DAN MENYATAKAN SOKONGAN SERTA AZAM MEREKA UNTUK MEMBANTU UMNO DAN BN MENGHADAPI PILIHAN RAYA AKAN DATANG. -- LAGI  
2137MST 18 09 90

D396

R B346 AAB  
MAHATHIR - PERJUMPAAN 2 KUALA LUMPUR

KUMPULAN ITU JUGA MEMINTA PANDANGAN PERDANA MENTERI MENGENAI MASA DEPAN ISLAM DI NEGARA INI.

MENURUT ENCIK NOOR AZAM, DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN KEJAYAAN ISLAM PADA MASA DEPAN BERGANTUNG KEPADA KEJAYAAN PENGANUTNYA SENDIRI.

BELIAU MEMBERI CONTOH BAGAIMANA KEJAYAAN ORANG KRISTIAN KINI SECARA LANGSUNG MENJADIKAN AGAMA ITU TERKENAL.

OLEH ITU, KATANYA, KEJAYAAN ORANG ISLAM MALAYSIA DALAM SEMUA BIDANG AKAN MEMBANTU MEMPERTINGKATKAN KEDUDUKAN DAN MARTABAT ISLAM ITU SENDIRI.

ENCIK NOOR AZAM BERKATA KUMPULAN ITU MERUPAKAN JENTERA YANG KINI SEDANG GIAT MEMBANTU UMNO TURUN KE KAMPUNG-KAMPUNG MENGADAKAN CERAMAH DAN PERJUMPAAN BAGI MENENTUKAN KEJAYAAN PARTI DALAM PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

+SEBAGAI KUMPULAN YANG BERPENGARUH DALAM PAS, HUBUNGAN MEREKA DENGAN PERINGKAT BAWAHAN ADALAH BAIK DAN BERJAYA MENARIK PERHATIAN TERUTAMA BEKAS PENGIKUT PAS LAIN+, KATANYA. -- LAGI  
2138MST 18 09 90

D397

R B347 AAB  
MAHATHIR - PERJUMPAAN 3 KUALA LUMPUR

MENURUT ENCIK NOOR AZAM, PEJABAT PERDANA MENTERI TURUT MENERIMA PERMINTAAN DARIPADA BEKAS PEMIMPIN PAS KEDAH UNTUK PERJUMPAAN YANG SERUPA DAN INI DISAMBUK BAIK SERTA SEDANG DIPERTIMBANGKAN.

ANTARA BEKAS PEMIMPIN PAS YANG HADIR PADA PERTEMUAN ITU IALAH ZAHARI AWANG (BEKAS SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PERUSAHAAN AWAM SEMASA KERAJAAN CAMPURAN PADA 1970AN), WAN ISMAIL WAN IBRAHIM (BEKAS TIMBALAN MENTERI BESAR), SALAHUDDIN ABDULLAH (BEKAS ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI KELANTAN), HAJI MOHAMAD ZAIN ABDULLAH (BEKAS ANGGOTA HAMIM YANG KINI ANGGOTA PARLIMEN BACHOK), WAN SULAIMAN WAN IBRAHIM (BEKAS ANGGOTA PARLIMEN PASIR PUTIH) DAN WAN MAMAT WAN YUSOF (BEKAS ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI SEMUT API). -- BERNAMA